

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) pada 21 November 2018 - Standard antarabangsa ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Antirasuah diguna pakai secara menyeluruh di setiap Kementerian, agensi, jabatan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang berisiko tinggi bagi mencegah rasuah dan membina budaya integriti.

Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Kebangsaan Bil.1/2021 pada 5 Februari 2021 - Mengarahkan semua agensi kerajaan untuk mendapatkan pensijilan MS ISO 37001:2016 pada tahun 2021.

Mesyuarat Pagi PLANMalaysia Bil. 5/2021 pada 5 Mac 2021 secara dasarnya telah bersetuju untuk membangunkan MS ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Antirasuah. Unit Integriti telah diarahkan untuk menjadi penyelaras bagi pelaksanaan MS ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Antirasuah bagi Jabatan.

Pendekatan MS ISO 37001: 2016 *Anti-Bribery Management System* (ABMS) di PLANMalaysia membolehkan:

1. Jabatan melaksanakan penilaian risiko rasuah di dalam organisasi;
2. Melaksanakan penerapan budaya antirasuah dan integriti dalam kalangan warga Jabatan; dan
3. Melaksanakan semakan, pemantauan dan tindakan penambahbaikan terhadap proses kerja.

PLANMalaysia sangat komited untuk memastikan warganya bebas dari rasuah. Penyediaan Pengurusan Risiko Rasuah [*Corruption Risk Management* (CRM)] pada tahun 2019 dan Pelan Antirasuah Organisasi [*Organisation Anti-Corruption Plan* (OACP)] pada tahun 2020 merupakan langkah awal PLANMalaysia untuk membentaras jenayah rasuah.

Beberapa siri bengkel telah diadakan pada tahun 2021 dan tahun 2022 bagi pengurusan pencegahan rasuah di PLANMalaysia, antaranya adalah semakan semula CRM dan juga Pelan Antirasuah Organisasi [*Organisation Anti-Corruption Plan* (OACP)]. Melalui semakan semula CRM terdapat 13 risiko rasuah telah dikenal pasti.

Sebarang pertanyaan dan pelaporan boleh dikemukakan kepada:

Pejabat Ketua Pengarah

PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)

Aras 13, Blok F5, Kompleks F, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62675 PUTRAJAYA

Tel : 03-8091 0000

(u.p: Ketua Unit Integriti)

Emel: unit_integriti@planmalaysia.gov.my